

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HKN 404 Seminar dalam Kesusasteraan Nusantara II:
Aspek-Aspek Persejarahan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahaigan A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Periodisasi yang dilakukan oleh R.O. Winstedt mengenai sejarah kesusasteraan Melayu tradisional memperlihatkan banyak kelemahan. Bincangkan kelemahan-kelemahan itu dan cadangkan satu periodisasi yang lebih sesuai dari kacamata seorang pengkaji peribumi.
2. Pensejarahan kesusasteraan Melayu tradisional yang sempurna tidak mungkin dapat dilakukan tanpa usaha filologi yang lengkap. Walau bagaimanapun, satu alternatif penulisan sejarah sastera dapat dikemukakan bagi memperlihatkan daya kreatif penulis-penulis Melayu tradisional. Bincangkan.
3. Penggunaan judul hikayat bagi banyak hasil-hasil sastera Melayu lama melahirkan beberapa kekeliruan di dalam pengkelasan hasil-hasil sastera kepada jenis-jenis tertentu. Bincangkan persoalan yang berkaitan dengan sastera hikayat ini dan cadangkan satu penyelesaian bagi memperjelaskan takrif sastera hikayat dan pengkelasannya.

.../2

4. Ternyata wujud struktur naratif yang berbeza dan berubah bagi keseluruhan hasil-hasil kesusasteraan Melayu tradisional. Huraikan perbezaan dan perubahan struktur ini dan perlihatkan bagaimana perihal ini membayangkan akan kerencaman hasil-hasil sastera Melayu tradisional.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Jelaskan justifikasi bagi mempertimbangkan faktor-faktor luar di dalam mengkaji perkembangan kesusasteraan. Dengan merujuk kepada perkembangan kesusasteraan Melayu moden sebelum Perang Dunia II perlihatkan bagaimana faktor-faktor luar menggerakkan pertumbuhan kesusasteraan Melayu di dalam bentuk prosa dan puisi.
6. Tulisan-tulisan sejarah kesusasteraan pada umumnya menunjukkan dua corak pendekatan mengenai periodisasi. Bicarakan mengenai pendekatan-pendekatan ini dan jelaskan bagaimanakah pensejarahan kesusasteraan Melayu moden dapat dilihat dari sudut kedua-dua pendekatan ini.
7. Di antara konsep 'angkatan penulis' dan 'golongan penulis' terdapat perbezaan yang luas mengenai bentuk dan fungsinya. Bincangkan sejauhmanakah kedua-dua konsep ini menasabah digunakan di dalam berbicara mengenai sejarah kesusasteraan Melayu moden.
8. Akhbar-akhbar dan majalah-majalah banyak menyumbang kepada perkembangan kesusasteraan Melayu baru di tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua. Bincangkan sifat-sifat sumbangan ini dan jelaskan kesan-kesan serta masalah-masalah yang berkaitan dengan pensejarahan sastera Melayu moden.

-oooOoOooo-